



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 3 /2025

KONSERT MUZIK ORKESTRA REMAJA KUALA LUMPUR x RAKAN MUDA 2025 LAHIRKAN GENERASI PENGKARYA BARU

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah menghadiri Konsert Muzik Orkestra Remaja Kuala Lumpur x Rakan Muda tahun 2025 bertempat di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur hari ini.
2. Majlis ini turut dihadiri oleh **YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** dan **Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)**.
3. Konsert Muzik Orkestra Remaja Kuala Lumpur x Rakan Muda 2025 ini dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan (JKKPS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Konsert ini merupakan salah satu platform untuk menyerlahkan bakat belia yang mahir bermain alat muzik serta berpeluang untuk membuat persembahan orkestra dengan bimbingan barisan tenaga pengajar daripada Kumpulan Orkestra Kuala Lumpur (OKL).

4. Konsert bermula dengan sesi uji bakat pada 28 hingga 29 Disember 2024. Peserta yang melepasi sesi uji bakat akan mengikuti Kem Muzik Orkestra Remaja Kuala Lumpur x Rakan Muda 2025 bermula 10 hingga 14 Februari 2025 bertempat di Studio Orkestra DBKL, Menara DBKL 2.

5. Tema konsert pada tahun ini adalah **filem terkenal tanah air dan antarabangsa termasuk persembahan tribute kepada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee**. Sebanyak 14 buah lagu akan dipersembahkan oleh 90 orang yang terdiri daripada peserta program Kem Muzik Orkestra Remaja Kuala Lumpur x Rakan Muda 2025, Kem Muzik Rakan Muda@Kuala Lumpur 2024 dan Kem Muzik Rakan Muda@Sarawak 2024. Program ini menyasarkan penglibatan belia berumur 13 hingga 30 tahun dengan hasrat untuk:
 - i. menyerlahkan bakat dan kemahiran muzik dengan memberikan peluang kepada remaja untuk mengembangkan kemahiran bermain alat muzik secara berkumpulan;
 - ii. menyediakan platform untuk meningkatkan prestasi dalam bidang muzik seperti memberikan pengalaman membuat persembahan secara langsung bagi membina keyakinan diri dan profesionalisme dalam bidang muzik; dan
 - iii. menjadikan muzik sebagai kerjaya dalam mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman sejak awal serta membina asas kukuh dalam bidang industri muzik.

6. Program Konsert Muzik Orkestra Remaja Kuala Lumpur x Rakan Muda tahun 2025 diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada belia lain untuk terus bergiat dalam industri kreatif yang mana merupakan satu elemen penting dalam pembentukan identiti negara di samping dapat menjana pendapatan. Penglibatan belia secara inklusif dari pelbagai latar belakang dalam program ini dapat meningkatkan semangat ukhuwah selari dengan pendekatan Malaysia Madani.

7. **JBSN** boleh dihubungi di talian **03-8871 3220** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my** untuk sebarang pertanyaan lanjut tentang **Konsert Muzik Orkestra Remaja Kuala Lumpur x Rakan Muda 2025**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
15 FEBRUARI 2025**

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pengisian kem muzik pada tahun ini lebih memfokuskan kepada pemahaman peserta dalam bermain alat muzik secara berkumpulan seiring membentuk disiplin yang tinggi dan pendedahan peserta terhadap peluang kerjaya dalam industri muzik. Keunikan kem muzik pada tahun ini divariasikan dengan aktiviti sampingan seperti:

- i. Sesi perkongsian pengalaman dan bengkel muzik bersama ahli muzik terkenal tanah air, Datuk Mustafa Fuzer bin Nawawi, Konduktor dan Pengarah Muzik Permata Seni Muzik (PSM) yang memperlihatkan hala tuju dan perjalanan karier sebagai ahli muzik yang bukan sahaja bergantung kepada bakat namun azam dan kesungguhan juga perlu seiring dalam menempa nama di arena muzik yang mencabar.
- ii. Sesi *team building* anjuran Kumpulan Orkestra Kuala Lumpur yang lebih memfokuskan untuk meningkatkan keyakinan diri peserta mengukuhkan lagi *bonding* dalam kalangan peserta dan juga tenaga pengajar.
- iii. Pameran alat muzik daripada syarikat tempatan seperti Topwind Solution, Seventh Deciso Sdn Bhd dan Percussion Store.

Program ini merupakan kesinambungan daripada Konsert Muzik Rakan Muda@Kuala Lumpur (KMRM@KL2024) yang telah menampakkan pelbagai kejayaan. Antaranya termasuk:

- i. peserta telah berpeluang membuat empat (4) rakaman orkestra bersempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67 dengan kerjasama Kementerian Komunikasi (KK) melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) iaitu lagu Saya Anak Malaysia, Tanah Pusaka, *Standing in The Eyes of The World* dan Yakin Boleh! Rakan Muda;
- ii. salah seorang peserta KMRM@KL2024 iaitu saudara Juen Loon, pemain Trombone telah berjaya mendapat tawaran sebagai salah seorang ahli muzik Unit Muzik, Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan (JKKPS) di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL); dan
- iii. penganjuran Kem Muzik Rakan Muda@Sarawak 2024 yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED) telah mengumpulkan seramai 77 belia tempatan negeri Sarawak.